

Headline	UUM buka lebih ruang kerjasama di India		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Feb 2012	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	12	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	47 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 217
Frequency	Daily	PR Value	RM 651



UUM buka lebih ruang kerjasama di India

SINTOK – Universiti Utara Malaysia (UUM) akan membuka lebih banyak ruang kerjasama khususnya dalam bidang akademik dengan institusi latihan dan pengajian tinggi di India.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, ini penting bagi perancangan pihaknya untuk menggalakkan lebih ramai pelajar dari negara berkenaan melanjutkan pengajian di UUM.

Katanya, UUM adalah destinasi terbaik bagi pelajar antarabangsa kerana mempunyai lebih 3,000 pelajar ijazah dan 6,000 pelajar pasca siswazah dari 42 negara.

"Menerusi penubuhan Program Pembangunan Eksekutif Khas daripada Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), ia menjadi pemangkin bagi menarik lebih ramai pelajar dari India melanjutkan pelajaran di UUM," katanya.